


# Rakyat masih perlukan

BH 23 JUN 2002

DALAM menyedarkan orang Melayu agar berubah, macam-macam sudah dilakukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad... memujuk, merayu, menangis dan berdoa. Namun, semua itu dilihat Presiden Umno masih tidak membawa banyak perubahan sehingga beliau memohon maaf di atas apa yang dikatakannya sebagai kegagalannya dalam ucapan dasar Perhimpunan Agung Umno, Khamis lalu. Namun, tiada yang lebih mengejutkan daripada pengumuman Dr Mahathir ketika ucapan penggulu-ngannya semalam untuk meletakkan semua jawatan dalam parti dan Barisan Nasional (BN). Jika tidak kerana diteng-gelami rasa sebak selain desakan ahli Majlis Tertinggi (MT) dan perwakilan agar menarik balik kata-kata berkenaan, kita boleh menjangkakan Dr Maha-



thir akan menyudahi pengumumannya dengan turut meletakkan semua jawatan dalam kerajaan, terutama Perdana Menteri.

Di sebalik pengumuman itu dibuat secara spontan, ia bukanlah keputusan secara spontan juga. Dalam suasana ramai masih tergamam, tiada siapa menduga gurauan Dr Mahathir dalam satu temu bual akhbar Ahad lalu bahawa beliau sebole-bolehnya mahu menjadi ahli biasa Umno kerana tidak boleh berbuat apa-apa lagi untuk mengubah orang Melayu,

benar-benar mahu dijadikan kenyataan. Dr Mahathir memilih tempoh kurang enam hari daripada genap 21 tahun menjadi Presiden Umno sejak 28 Jun 1981, untuk berundur atas sebab-sebab kegagalan yang harus dilihat berlawanan.

Sebenarnya, bukan sedikit kejayaan yang dicapai orang Melayu, Umno, BN dan Malaysia amnya dalam tempoh berkenaan. Jurang perbezaan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dapat kurangkan. Kelompok kelas pertengahan Melayu terus membesar di samping ramai Bumiputera yang berjaya dalam perniagaan dan perusahaan serta pelbagai bidang profesional. Kehidupan orang Melayu dan Bumiputera lain juga sudah lebih baik dari dulu sambil sentimen perkauman semakin lenyap hingga Malaysia menjadi model se-

## kepemimpinan Mahathir

buah negara berbilang kaum, bahasa, agama dan tahap penguasaan ekonomi yang dapat hidup aman damai dalam suasana harmoni. Juga sudah ada perubahan minda di kalangan orang Melayu di sebalik teguran Dr Mahathir bahawa sesetengah mereka memilih jalan mudah untuk mendapatkan kesenangan. Lantaran kesemua itulah, Dr Mahathir tidak harus berasa sudah gagal di tengah-tengah perjuangannya yang belum selesai.

Di sebalik media asing sering menonjolkannya sebagai pemimpin Asia yang paling lama memegang kuasa, Dr Mahathir dikagumi masyarakat antarabangsa kerana sikap berterusterangnya. Pendirian dan pandangannya sentiasa ditagih hingga beliau diangkat sebagai pemimpin sederhana dari negara Islam, mewakili suara Du-

nia Ketiga serta dilihat selaku teraju utama kelompok negara Asean. Seiring dengan kelantangan dan keterbukaan Dr Mahathir, tanpa dapat disangkal Malaysia turut berkongsi pengiktirafan di mata dunia.

Keikhlasan Dr Mahathir untuk melepaskan jawatan ketika kepemimpinannya masih diperlukan, mencerminkan kualiti diri beliau. Selama 21 tahun memegang jawatan, keutamaan Dr Mahathir demi bangsa dan negaranya mengatasi segala-galanya. Barangkali adalah menjadi pilihan beliau untuk berundur ketika di puncak - berlawanan dengan sesetengah pemimpin yang mahu terus berpaut pada jawatan sehingga suatu masa mereka terpaksa diturunkan. Hanya pemimpin agung yang tidak gentar mengakui kekurangan di samping tidak lokek mem-

beri laluan kepada orang lain. Dalam pada itu, reaksi spontan ahli MT, perwakilan dan pemerhati yang turut dikongsi rakyat sejurus selepas pengumuman Dr Mahathir semalam, adalah bukti sokongan, kepercayaan dan harapan besar yang terus disandarkan kepadanya.

Keputusan sebulat suara Perhimpunan Agung Umno semalam untuk menolak peletakan jawatan Dr Mahathir, adalah langkah amat bertepatan. Ia mewakili suara rakyat yang jelas belum bersedia menerima hakikat bahawa Dr Mahathir bukan lagi pemimpin mereka. Tidak mungkin ada penawar lebih baik terhadap kekecewaan dinyatakan Dr Mahathir selain bukti sokongan dan perpaduan orang Melayu dalam Umno yang berharap kepadanya untuk memacu bangsa dan negara ke mercu lebih gemilang.